

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Individu potong giliran cucuk vaksin boleh didenda RM50,000, penjara enam bulan

Pesakit Covid-19 pakai peranti khas

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Pesakit Covid-19 yang menjalani kuarantin di kediaman atau Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) akan dipakainya peranti pengesanan dengan teknologi terkini.

Ketetapan itu antara lima peruntukan baharu dalam Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawasan Penyakit) (Pindaan) 2021 yang berkuat kuasa 11 Mac ini.

Peruntukan itu bertujuan meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan membendung penularan pandemik Covid-19 di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba memberitahu, selain pesakit Covid-19, pemakaian peranti pengesanan itu meliputi individu dalam siasatan (PUI) atau kontak rapat pesakit Covid-19 dan individu dalam pengawasan (PUS).

Katanya, peruntukan baharu di bawah Seksyen 15A itu memberi kuasa kepada pegawai untuk



INDIVIDU positif Covid-19 akan dipakainya peranti pengesanan bagi mengekang penularan wabak. – GAMBAR HIASAN

mengarahkan pesakit menjalani pengasingan bagi pengawasan dan pemerhatian.

“Pemakaian gelang tangan atau gelang pengawasan yang digunakan semasa wabak Covid-19 ini dikuatkuasakan mengikut

peraturan 9(3) Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 9) 2020.

“Bawah Ordinan ini, penalti akan dikenakan ke atas individu

yang dipakainya peranti pengesanan atau alat pengesanan ini sekiranya alat itu dimusnahkan, dirosakkan, dihilangkan atau diubah,” katanya dalam satu kenyataan bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang), Datuk Seri Takiyuddin Hassan semalam.

Dalam perkembangan berkaitan, Adham berkata, individu yang didapati memotong giliran bagi mendapatkan vaksin lebih awal dalam Program Imunisasi Covid Kebangsaan (PICK) berdepan denda tidak lebih RM50,000 atau hukuman penjara hingga enam bulan atau keduanya sekali.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan (KKM) boleh menggunakan Seksyen 31 yang memberi kuasa untuk peneilaian penalti mengikut Akta 342 bagi mana-mana kesalahan yang tidak dinyatakan dalam akta berkenaan.

“Peraturan bawah subseksyen baharu ini boleh menetapkan

apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan dalam Akta 342 menjadi suatu kesalahan dan boleh dikenakan penalti tidak melebihi RM50,000 atau hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

“Kita ada Seksyen 21A yang dipanggil peruntukan baharu, (memberi) kuasa kepada Ketua Pengarah Kesihatan, membolehkannya mengeluarkan apa-apa cara, cara yang hendak dibuat.

“Sebagai contoh, seseorang dijadualkan mengambil pelantikan tetapi mereka tidak datang (tanpa alasan munasabah) atau kita sudah beri nama untuk mendapat suntikan pada tarikh tertentu tetapi dia tiba-tiba potong giliran,” ujarnya.

Sementara itu, Adham memberitahu, penguatkuasaan undang-undang sepanjang tempoh wabak memainkan peranan penting dalam melancarkan pelaksanaan aktiviti kawalan dan pencegahan penularan jangkitan Covid-19 di dalam negara.